

## Celaka Orang yang Melampau

Di dalam bilangan yang lalu kita sudah menceritakan tentang kisah perbualan di antara Umaymah dan Ummu Dardā' yang berlaku di dalam rumah Umaymah. Sekarang marilah pula kita meninjau ke rumah Abū Dardā'. Keadaan rumah Abū Dardā' lebih kurang sama seperti rumah Salmān (suami Umaymah). Hanya rumah Abū Dardā' adalah mempunyai perkakas perabut yang agak berlebihan sedikit daripada rumah Salmān.

Pada suatu hari Salmān suami isteri telah datang mengunjungi ke rumah Abū Dardā'. Abū Dardā' menyambut kedatangan kedua-dua tetamunya itu dengan ucapan-ucapan tahniah disertakan dengan kata-kata aluan yang penuh perasaan kasih mesra.

Bahagian yang kedua

## Alam wanita

(oleh Ummu Muhsin)  
Abū Dardā': "Selamat datang wahai Abū 'Abdullah (gelaran kepada Salmān), wahai penunggang kuda yang mahir" (kerana pada zaman Rasulullah Salmān menjadi salah seorang panglima perang angkatan tentera berkuda Islam).

Salmān: "Oh! Awak memberi gelaran kepada saya penunggang kuda? Saya ucapkan banyak terima kasih di atas gelaran yang telah awak berikan kepada saya itu ... *al-ḥamduli 'Lāh* ... *al-ḥamduli 'Lāh*".

Abū Dardā': (Mengangkat kedua belah tangannya ke langit sambil membaca selawat atas penerimaan Salmān kepada gelaran itu).

Salmān: "Saya datang bersama-sama dengan isteri saya, wahai Abū Dardā'!

Abū Dardā': "Saya juga mengucapkan selamat datang kepada isteri awak itu."

Salmān: "Kami berdua berniat hendak makan tengahari ini di rumah awak."

Abū Dardā': "Kalau awak sudi satu kali, seribu kali saya sudi mempersilakan awak berdua menjadi tetamu saya. Oh, kata awak, awak datang bersama-sama dengan isteri awak, di mana dia isteri awak itu?" (sambil ia menoleh ke kiri dan ke kanan).

Salmān: "Isteri saya terlebih dahulu sudah masuk ke dalam rumah awak menemui isteri awak di dalam."

Abū Dardā': "*Wa Allāhi* saya tidak tahu!"

Salmān: (Dengan berseloroh menjawab kata-kata Abū Dardā' itu seolah-olah menyindirnya): "Bagaimana awak hendak sedar dengan orang masuk

ke rumah awak, kalau awak asyik memikirkan sehari-hari dalam perkara ibadah sahaja dengan tidak membagi masa untuk memikirkan hal rumahtangga dan isteri awak? Setiap saat awak hanya memikirkan berapa banyak untung daripada pahala dan ganjaran yang akan awak dapat daripada amal ibadah yang awak kerjakan dengan tidak berhenti-hentinya itu, dan saya tahu bahawa awak bercita-cita hendak menjadi seorang wali Allah yang asyik di sepanjang masa beribadah sahaja dengan meninggalkan segala urusan dunia."

Abū Dardā': (Terperanjat mendengar kata-kata sindiran yang diucapkan oleh Sulaiman<sup>1</sup> kepadanya itu. Di dalam hatinya ia berkata: celaka binti Abi Hadrā – yang dimaksudkannya ialah Ummu Dardā' isterinya – tak dapat tidak dialah yang telah

<sup>1</sup> Perkataan sebenarnya adalah Salmān.

**Alam wanita ...**

menceritakan hal aku kepada Salmān.

Abū Dardā' pun terus memanggil isterinya): "Ummu Dardā'! Ya Ummu Dardā'!"

Ummu Dardā': *Labbayka!* Saya datang ...

Saya datang!"

Abū Dardā': "Ini Salmān saudaraku!"

Ummu Dardā': "Selamat datang saya ucapkan kepadanya. Dan ini Umaymah isteri kepada saudaramu itu ada bersama-sama dengan saya di sini."

Abū Dardā': "Diucapkan selamat datang kepadanya. Sediakan makanan untuk tengahari ini, mereka kedua akan makan bersama-sama dengan kita."

Ummu Dardā': "Makan malam pun mereka bersama-sama kita juga."

Abū Dardā': "Memang betul! Mereka berdua jangan dibenarkan pulang, melainkan selepas makan malam bersama-sama kita di rumah ini! Sekarang pergilah awak hidangkan apa makanan yang ada kerana perut kami sudah mulai rasa lapar!"

Ummu Dardā': "Makanan sudah pun saya hidangkan".

Abū Dardā': "Wah, cergas betul awak hari ini, mudah mudahan Allah akan membalas kebajikan awak! Kalau begitu silalah kita makan wahai Abū Abdullah. Makanan sudah pun disajikan oleh isteri saya."

Salmān: (Setelah berada di hadapan hidangan memperhatikan *ṣafrah* yang terbentang, di atas terletak berbagai-bagai jenis makanan yang baik-baik. Kemudian ia berkata: "*Mā shā-Allāh*, nampaknya pada hari ini awak berdua betul-betul hendak menjamu kami dengan makanan yang enak-enak. Makanan yang seperti ini bukan untuk wali Allah" (Salmān berseloroh).

Abū Dardā': (Tidak memperdulikan sindiran Salmān itu, ia terus menyilakan Salmān dan Umaymah makan): "Silakanlah makan wahai saudara dengan aman dan gembira!"

Salmān: "Awak mempelawa kami makan, sedang awak tak makan bersama-sama kami?"

Abū Dardā': "Maafkan saya wahai Salmān! Hari ini saya puasa sunat."

Salmān: "Apa, awak berpuasa? Saya datang ke rumah awak sengaja hendak makan bersama-sama awak, awak puasa pula?"

Abū Dardā': "Saya memang telah berniat hendak puasa hari ini, sebelum awak datang Salmān."

Salmān: "Kerana saya sudah tiba dan kerana meraikan tetamu yang datang ke rumah awak, maka sekarang berbukalah dan marilah kita makan bersama-sama!"

Abū Dardā': "Awak tidak membenarkan saya meneruskan puasa saya wahai Salmān? Kalau begitu

biarkanlah saya menemankan awak makan hanya dengan bercerita sahaja."

Salmān: "Adakah baik begitu pada pendapat awak wahai keluarga Arab?"

Abū Dardā': "Kesatnya bahasa awak itu wahai saudara! Bahawasanya Allah *Subhānahu wa Ta'ālā* telah memuliakan kita dengan Islam. Pada zaman ini kebanyakan daripada pemeluk-pemeluk agama Islam itu ialah daripada keluarga Arab.

Salmān: "Sungguh buruk benar perangai awak ini! Islam tidak setuju dengan perangai awak yang sedemikian rupa. Kerana Rasulullah (SAW) pernah bersabda: "Saya diutus Allah kerana memperbaiki kelakuan umat manusia, Demi Allah! Saya tidak akan makan jika awak tidak makan bersama-sama saya."

Abū Dardā': "Kalau begitulah pendapat awak, saya akan batalkan puasa saya dan saya akan makan bersama-sama awak. Silakan! *Bismi Allāhi al-Raḥman al-Raḥīm.*"

\* \* \*

[Setelah hampir masuk waktu Isyak, Salmān dengan diiringi oleh Abū Dardā' pun pergilah menunaikan sembahyang fardu Isyak ke masjid. Sepeninggalan keduanya pergi ke masjid, Ummu Dardā' dihiaskan oleh Umaymah. Sebentar kemudian kelihatan Salmān pulang dari masjid seorang diri].

Alam wanita...

Ummu Dardā': (Mengomel): "Lihatlah

Umaymah! Betapa buruknya kelakuan suami saya itu, suami awak sudah pulang dari masjid sedang suami saya masih belum pulang lagi."

Umaymah: "Tak mengapalah wahai

sahabatku! Sebentar lagi Abū Dardā' akan pulang."

Ummu Dardā': "Kelakuannya itu bukankah

tak manis? Tetamu disuruh pulang dahulu, sedang Abū Dardā' yang punya rumah belum pulang-pulang lagi. Di mana letaknya kehormatan yang diberikan kepada seorang tetamu?"

Umaymah: "Biarkan sahajalah di antara

dia dengan Salmān! Salmān sedikit demi sedikit akan mengajarnya cara-cara adab memuliakan tetamu."

Ummu Dardā': "Betul kata awak itu.

Dalam masa yang akhir-akhir ini kelakuannya sudah agak berubah sedikit dari masa-masa yang lalu,"

Umaymah: "Sudah selesaikah awak

berhias itu?"

Ummu Dardā': "Ya, sudah hampir

siap. Selepas itu apa lagi yang mesti saya buat?"

Umaymah: "Bagus, semuanya sudah

cantik. Hanya rambut awak kurang kemas dan baju awak juga perlu diperbaiki sedikit!"

Abū Dardā': (Dengan langkah yang tergesa-gesa

pulang dari masjid)

Salmān: "Maafkanlah saya wahai Abū

Dardā'! Kerana saya lebih dahulu pulang ke rumah awak."

Abū Dardā': "Oh, itu tidak mengapa.

Sepatutnya sayalah yang meminta maaf kepada awak, kerana saya terlambat sampai ke masjid tadi. Menyebabkan saya terlambat pulang ke rumah. Rumah saya adalah seperti rumah awak juga, buatlah apa sahaja yang awak sukai!" (Ketika itu juga Abū Dardā' mempersilakan Salmān makan malam. Dalam masa makan itu Salmān berkata):

Salmān: "Mudah-mudahan Allah mengampunkan

Ummu Dardā' dan memberi rahmat kepadanya. Ummu Dardā' telah menghidangkan makanan yang lebih lazat pada malam ini. Selepas makan nanti sudah pasti saya akan berasa mengantuk kekenyangan."

Abū Dardā': "Kalau awak berasa letih

dan mengantuk kelak tidur sahajalah di gubuk buruk kami ini. Untuk awak berdua telah disediakan sebuah bilik khas."

Salmān: "Bagaimana pula awak?

tidakkah awak hendak masuk tidur bersama-sama dengan isteri awak?"

Abū Dardā': "Belum masanya sekarang

wahai sahabatku! Saya hendak tinggal duduk-duduk di luar sementara menunggu tengah malam tiba."

Salmān: "Allah! Bagaimana saya boleh

bersenang hati tidur bersama-sama isteri saya, sedang awak

berjaga malam bertahajud dan munajat kepada Tuhan dan yang lebih menyedihkan ialah isteri awak berjaga-jaga semalam-semalaman di dalam biliknya menunggukan awak masuk."

Abū Dardā': (Dengan agak marah menjawab

perkataan Salmān): "Hairan sungguh saya melihat sikap awak pada hari ini. Apa tujuan awak berkata demikian? Mengapa awak suka mengganggu urusan saya suami isteri?"

Salmān: "Awak jangan banyak soal!

Kalau awak tak suka kami tidur di rumah awak malam ini, biarlah kami pulang sahaja ke rumah kami sekarang juga."

Abū Dardā': "*Astaghfir Allah al-‘Azīm!*

Bukan begitu maksud saya wahai saudara. Masuklah awak dahulu ke bilik awak, nanti saya akan masuk pula ke bilik saya."

Salmān: "Tidak! Awak akan

mempermainkan saya. Saya mahu awak masuk dahulu ke bilik awak, kemudian baru saya masuk ke bilik saya."

Abū Dardā': "Baiklah, kalau begitu

saya ikutlah perintah awak!"

Salmān: "Ingat! Awak jangan bangun

dahulu sebelum saya bangun, saya akan bangunkan awak pada akhir tengah malam. Kita akan bangun bersama dan sembahyang bersama-sama."

Abū Dardā': "Baiklah! Saya ikut

perintah awak" (dengan melengos).

\* \* \*

## Alam wanita...

### Beberapa hari kemudian

Abū Dardā': "Apa yang awak hendak

lakukan ke atas diri saya wahai

Salmān?" Sudah tiga hari lebih

awak suami isteri tinggal

menjadi tetamu di rumah kami ini.

Tetapi pada hari ini pun awak

masih lagi tinggal bersama-sama

kami di rumah ini. Sedang makanan

awak bawa pula dari rumah awak

sendiri. Apa ertinya ini? Saya

tidak faham!"

Salmān: (Dengan tenang menjawab pertanyaan

Abū Dardā' itu): "Benar sebagaimana

kata awak itu wahai Abū Dardā'!

Kami telah tiga hari tinggal

di rumah awak, dan selama tiga

hari itulah sahaja kami

menjadi tetamu rasmi awak, dan

selama itu awak wajib menyediakan

untuk kami makan-minum

secukupnya. Selepas daripada tiga

hari itu tidak lagi

menjadi sebagai tetamu rasmi

awak dan tak perlu lagi awak

menyediakan makan minum buat kami.

Oleh kerana kami ingin tinggal

di rumah ini buat beberapa hari

lagi, maka terpaksa kami

berbelanja sendiri dan menyediakan

makan minum buat kami. Salahkah

perbuatan kami ini?"

Abū Dardā': "Salah memang tak salah!

Tetapi tak baik begitu wahai

Salmān! Awak adalah sahabat

saya yang paling karib. Oleh itu

awak suami isteri tetap

juga menjadi tetamu saya selama

mana awak masih berada didalam

rumah ini. Pada masa yang akan datang

saya dan isteri saya pula

berkunjung ke rumah awak dan

kami menjadi tetamu awak

pula."

Salmān: "Sebaik-baiknya begitulah!

Silakanlah awak berdua datang

ke rumah kami dan tinggal di rumah

kami buat beberapa hari."

Abū Dardā': "Mengapa awak selalu

mendesak supaya saya dan

isteri saya tinggal bersama

dengan awak suami isteri?"

Salmān: "Kerana bertolong-tolongan di dalam

membuat kebajikan dan bakti, dengan

itu kita akan pergi ke masjid

bersama-sama dan berjaga malam

beribadah dan bertahajud bersama-sama".

Ummu Dardā'<sup>2</sup>: "Sebenarnya saya telah

cukup bersabar dengan perbuatan

awak itu wahai Salmān! Dan

sekarang dengan secara berterus-

terang, saya terpaksa mengemukakan

kemusykilan saya terhadap awak.

Ada pun segala perbuatan dan

nasihat-nasihat itu tiadalah

mendatangkan sesuatu kesan yang

baik terhadap diri saya,

malahan menjadikan suatu

kerumitan dan kerugian kepada

saya. Betapa tidak saya katakan

begitu? Kerana dari sejak awak

suami isteri berada di rumah

saya, menjadi suatu penghalang

kepada saya untuk beribadah. Saya

ditegah mengerjakan puasa-puasa sunat

dan ditegah pula bangun bertahajud

pada waktu tengah malam."

Salmān: "Saya juga berhajat

untuk memberi penerangan kepada awak,

supaya awak dapat memahami akan

tujuan saya. Wahai sahabatku

Abū Dardā'! Jika awak benar-benar

hendak menghampirkan diri kepada

Allah dengan perantaraan amal ibadah

yang awak lakukan itu, janganlah

sekali-kali awak menghilangkan hak-hak

dan kewajipan awak, dan juga

jangan sekali-kali awak mencuaikan

tanggungjawab awak kepada orang yang

berhak menerimanya."

Abū Dardā': "Apakah hak orang dan

kewajipan saya yang tidak saya

tunaikan?"

Salmān: "Kewajipan dan hak

seseorang muslim itu ada beberapa

macam. Pertama hak dan kewajipan

awak kepada Tuhan. Kedua hak

dan kewajipan awak kepada diri

sendiri, ketiga hak dan

kewajipan awak kepada isteri.

Keempat hak dan kewajipan awak

kepada agama, kelima hak dan

kewajipan awak kepada tanah air dan

keenam hak dan kewajipan awak

kepada masyarakat umum. Kesemuanya

ini mestilah awak tunaikan dengan

adil dan sama rata."

Abū Dardā': "Perkataan awak itu

memang benar. Tetapi kesemuanya itu

telah saya tunaikan."

Salmān: "Awak hanya sudah menunaikan

hak dan kewajipan awak terhadap

Tuhan dan agama sahaja. Sedang

hak dan kewajipan awak kepada

diri sendiri, kepada masyarakat

umum, kepada tanah air dan kepada

<sup>2</sup> Perkataan sebenarnya adalah Abū Dardā'.

## Alam wanita...

isteri awak sendiri telah awak lupakan.”

Abū Dardā’: “Oh, baru saya

mengerti! Rupanya tujuan awak datang ke rumah saya dan tinggal beberapa hari di sini semata-mata untuk mengintip keadaan rumahtangga saya!”

Salmān: “Memang benar, itulah

tujuan saya datang ke mari.

Tujuan saya adalah baik, kerana hendak membimbing awak kepada jalan kebajikan yang sebenarnya.”

Abū Dardā’: ‘Itu adalah pendapat

awak. Tetapi saya tidak bersetuju dengan pendapat itu.”

Salmān: “Jika awak tidak

bersetuju dengan pendapat saya ini, marilah kita bersama-sama pergi menghadap Rasulullah untuk meminta keterangan yang sebenarnya daripada baginda dalam soal ini!”

Abū Dardā’: “Saya sangat bersetuju

dengan cadangan awak itu. Marilah sekarang juga kita pergi menemui Rasulullah!

### Dalam rumah Salman

Selang beberapa hari kemudian

daripada perjumpaan di antara Salmān,

Abū Dardā’ dengan Rasulullah (SAW),

dan setelah keduanya mendapat

penjelasan daripada baginda tentang

hak dan kewajipan yang dimusykilkan

itu, maka Ummu Dardā’ pun datang

berkunjung sekali lagi ke rumah

Salmān untuk menemui Umaymah.

Kedatangan Ummu Dardā’ pada kali yang

kedua ini tidak kurang mendapat

sambutan yang meriah daripada Umaymah

dengan ucapan-ucapan dan kata-kata aluan

selamat datang yang menunjukkan rasa

kasih mesra yang bertambah erat

di antara keduanya:

Umaymah: “Selamat datang dan selamat

berjumpa lagi wahai Ummu Dardā’!

Hari ini sungguh sangat gembira

sekali dan gerak geri awak pun

kelihatan cergas dan rancak.”

Ummu Dardā’: “Mudah-mudahan Allah akan

mengurniakan rahmat dan kebajikan

kepadamu wahai sahabatku yang

setia dan juga kepada suamimu

Salmān yang telah berusaha mentenangkan

kembali masyarakat berumahtangga

saya yang keruh dan kucar-kacir

itu, kerana dengan nasihat dan

pimpinan awak berdualah maka

perangai dan tabiat suami saya

Abū Dardā’ telah berubah menjadi

seorang makhluk yang baru, baru

dalam cara hidupnya, baru di dalam

cara ibadahnya, baru di dalam cara

pakaianya, baru di dalam tingkah lakunya

dan baru pula cara pergaulannya

dengan saya. (Sambil tersenyum

kemalu-maluan).

Umaymah: “Yang sebenarnya wahai Ummu

Dardā’! Bukanlah kami berdua yang

pemimpin dan memandu suami awak

Abū Dardā’ menuju ke arah

penghidupannya yang baru

itu. Sebenarnya pimpinan

itu adalah kesan daripada keterangan-keterangan

dan penjelasan-penjelasan yang telah diberikan

oleh Rasulullah sendiri kepada

Abū Dardā’. Barangkali setelah

mendengar segala apa yang telah

disabdakan oleh baginda Rasulullah

itulah menyebabkan perangai, tabiat

dan tingkah laku suami awak

itu menjadi berubah.”

Ummu Dardā’: “Benar sebagaimana kata-kata

awak itu. Dari sejak suami

saya dan suami awak kembali

daripada menemui Rasulullah,

perangai dan tabiatnya berubah daripada

biasa. Segala kewajipan terhadap

Allah, terhadap dirinya sendiri,

terhadap agama, terhadap tanah air,

masyarakat umum dan akhir sekali

terhadap isteri dan

rumah tangganya telah dapat ditunaikannya

dengan secara adil dan sama

rata. Bersyukurlah saya ke hadrat

Ilahi di atas kesedaran suami

saya itu.”

Umaymah: “ Dengan ini saya harap

dapatlah menjadi suatu

pengajaran kepada kita untuk

masa yang akan datang, bahawa tiap-tiap

orang yang taat menunaikan kewajipan

di dalam satu-satu jurusan sahaja

dengan meninggalkan dan mencuaikan

sesuatu kewajipan yang lain, yang

sama berat dan sama pentingnya

di dalam menghadapi soal hidup,

maka orang itu akan mendapat

kecelakaan. Begitulah kesimpulan

hadith yang telah diucapkan oleh

Rasulullah kepada suami awak

itu.”

Ummu Darda': "Saya berharap pengajaran Rasulullah itu janganlah hendaknya dipercuai dan di pandang ringan oleh sekalian kaum muslimin, kerana baginda Rasulullah sewaktu memberikan penjelasan di atas kemusykilan yang telah dikemukakan oleh Abū Dardā' dan Salmān baginda bersabda: "Salmān lebih bijak di dalam urusan agama ... *Halaka al-mutanaffi'ūna... halaka al-mutanaffi'ūna...*" (Celakalah orang-orang yang berpura-pura taat... Celakalah orang-orang yang berpura-pura taat).

\* \* \*

### Penutup:

Riwayat ini telah selesai. Saya fikir kandungan cerita ini tak payahlah saya ulas lagi, kerana dialog soal jawab di antara dua keluarga yang telah dibayangkan oleh pengarangnya sudah cukup jelas bagi kita untuk kita mengutip intisari pengajaran-pengajaran yang terkandung di dalam cerita ini.

Hanya saya – sebagai penterjemahnya – berharap kepada sekalian para pembaca yang meminati cerita-cerita agama yang sering kali disiarkan di ruangan Majalah Qalam yang berharga ini, supaya membaca cerita ini dengan perasaan tenang dan hasil dari pembacaan itu akan dapat diambil menjadi suatu

pelajaran terutama oleh orang-orang yang telah menemui hidup berkelamin. Jika sekiranya ada sesuatu perkara yang merunsingkan kita di dalam menghadapi hidup soal rumahtangga, maka cubalah sesuaikan *problem* atau masalah yang kita hadapi itu dengan cerita ini, semoga dengannya kita dapat memperbaiki suasana keruh yang berlaku di dalam rumahtangga kita itu dengan mengambil sedikit sebanyak tauladan daripada cerita ini. Kalau tidak pun, maka jadikanlah cerita ini sebagai penambah maklumat kita di dalam pengetahuan sejarah Islam. Kerana jalan cerita ini adalah berdasarkan pengajian Islam dari segi ibadah, akhlak dan pergaulan. *Wa billahi al-tawfiq.*

## Maklumat Qalam

### Bahagian Tabligh

Dengan sukacita dimaklumkan setelah Pejabat Percetakan "Qalam" berpindah ke ibu kota Malaysia – Kuala Lumpur – maka kecergasan "Qalam bahagian Tabligh" akan dijalankan semula. Syarahan-syarahan agama disertakan dengan gambar-gambar *slide* yang berwarna-warni akan diberikan semula atas mauduk-mauduk seperti berikut:

1. Sejarah Islam
2. Maulid al-Nabī (SAW)
3. Isra' dan Mikraj
4. Nuzul al- Qur'an
5. Mengenai Haji
6. Mengenai Tanah Suci Palestin

Sesiapa yang ingin untuk mengadakan majlis-majlis syarahan agama mengenai mauduk-mauduk di atas silalah berhubung dengan al-Jamyiah al-Da'wah al-Islamiyyah – di alamat Masjid Jamek Jalan Mountbatten – Kuala Lumpur – atau berhubung terus kepada pejabat Qalam yang beralamat di bawah.

Tidak ada dikenakan sebarang bayaran, sekalipun untuk tambang. Yang perlunya menyiapkan tempat dan pembesar suara. Dan jika tempat itu perlu keizinan dari pihak yang berkuasa, maka mintalah keizinan itu terlebih dahulu.

**Qalam bahagian Tabligh**

8247 Jalan 225 – Petaling Jaya

Selangor – Telefon 562481